



## **GARIS PANDUAN PERATURAN PAKAIAN GRADUAN KONVOKESYEN POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR**

**Majlis Konvokesyen Kali Ke-4** akan diadakan pada **8 Jun 2022 (Rabu)** jam 7.30 pagi bertempat di **Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai**. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama para graduan untuk mengambil tindakan-tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

### **1.0 PERATURAN PAKAIAN GRADUAN**

#### **1.1 HARI RAPTAI**

##### **1.1.1 Graduan Lelaki**

- i) Semua graduan mesti berpakaian kemas, formal dan menampilkan perwatakan menarik, matang, sopan serta bersesuaian.
- ii) Baju kemeja lengan panjang / pendek dan seluar slack serta kasut hitam bertutup.
- iii) Graduan **DILARANG** memakai seluar jenis “*jeans*”, **selipar, sandal, capal** dan “*t-shirt*” **tanpa kolar**.
- iv) Graduan hendaklah berambut pendek, rambut disisir rapi, kemas dan **TIDAK DIWARNAKAN**.

##### **1.1.2 Graduan Perempuan**

- i) Semua graduan mesti berpakaian kemas, formal dan menampilkan perwatakan menarik, matang, sopan serta bersesuaian.
- ii) Graduan **DILARANG** memakai seluar jenis “*jeans*”, **selipar, sandal, capal** dan “*t-shirt*” **tanpa kolar**.



- iii) Graduan yang beragama Islam hendaklah menutup aurat (**memakai tudung tidak bercorak**) dan bagi yang bukan beragama Islam, rambut disisir rapi, kemas dan **TIDAK DIWARNAKAN**.
- iv) Baju kurung tradisional / kebaya labuh / kebarung ATAU *lounge dress* (sekiranya memakai *skirt* mestilah melepas paras lutut). Graduan **DILARANG** sama sekali memakai pakaian tidak sopan, jarang, ketat dan mendedahkan.
- v) Kasut hendaklah jenis bertutup dan berwarna gelap.

## 1.2 HARI KONVOKESYEN

### 1.2.1 Graduan Lelaki

- i) Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak PMTG).
- ii) Graduan beragama Islam **digalakkan** berpakaian kebangsaan lengkap (baju melayu berwarna hitam dan bersampin) ATAU
- iii) *Lounge suit* (baju kemeja berwarna putih, seluar slack berwarna gelap, blazer berwarna gelap dan bertali leher).
- iv) Kasut berwarna hitam dan berstokin hitam.
- v) Graduan tidak dibenarkan memakai **tali bow (bow tie)**.
- vi) Rambut kemas dan pendek. Graduan yang berambut panjang/ berekor/ berwarna **TIDAK** akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.
- vii) Graduan yang memakai pakaian yang tidak sopan tidak akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.

1. GRADUAN LELAKI



BAJU MELAYU HITAM SAHAJA / KEMEJA PUTIH SAHAJA YANG DIBENARKAN



### 1.2.2 Graduan Perempuan

- i) Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak PMTG).
- ii) Graduan dibenarkan memakai baju kurung atau kebaya labuh warna bebas (**kain berbelah adalah dilarang**). Bagi graduan wanita beragama Islam hendaklah memakai **tudung tidak bercorak** warna bebas. Pakaian perlu bersesuaian dengan protokol majlis.

- iii) Bagi graduan bukan beragama Islam dibenarkan berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak berbelah dan tidak terdedah. Baju mestilah berlengan dan sekiranya memakai **skirt** hendaklah labuh **di bawah paras lutut**. Rambut disisir rapi, kemas dan **TIDAK DIWARNAKAN**.
- iv) Graduan yang mengandung boleh memakai pakaian yang bersesuaian.
- v) Kain jenis “*lace*” boleh dipakai dengan syarat ada “*lining*”.
- vi) Kasut hendaklah jenis bertutup dan berwarna gelap. Sandal dan kasut jenis sukan **TIDAK DIBENARKAN**.



PAKAIAN GRADUAN PEREMPUAN BUKAN ISLAM



TUDUNG BERWARNA PUTIH / KIRM SAHAJ YANG DIBENARKAN



**PEMAKAIAN YANG DIBENARKAN**



**PAKAIAN YANG DILARANG**



**KEMASAN RAMBUT**



**KASUT YANG DIBENARKAN**

